

Headline **Cerita ngeri rumah mayat**  
 Date **09 Aug 2009**  
 MediaTitle **Kosmo Ahad**  
 Section **Semasa**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 ADValue **8,291**

Language **Malay**  
 Page No **16**  
 Article Size **692 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 PRValue **24,873**



Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**L**ANGKAH kaki penulis ke rumah mayat Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) agak perlahan. Maklumlah, banyak kisah seram yang diceritakan orang mengenainya.

Namun, semua bayangan itu ditolak ke tepi. Iyalah, kita sebagai manusia sekuat mana pun ingin menongkat langit, lambat laun akan mati juga.

Itulah juga pesan Ketua Perhubungan Awam PPUM, Yahaya Abdul Hamid, 44. "Amal itu yang menjadi bekalan utama," tambah beliau yang berpengalaman menguruskan jenazah selama lebih 25 tahun.

Menurut Yahaya, keinsafan akan lebih mendalam apabila beliau perlu mengendalikan mayat yang tidak sempurna.

Baru hari pertama bekerja di PPUM, Yahaya perlu menguruskan mayat yang kepalanya leper seperti lempeng dan dipenuhi serpihan cermin kereta.

"Mayat itu merupakan seorang pemandu lori yang terlibat dalam kemalangan dengan sebuah bas dan teksi di Lebuhraya Karak.

"Badannya juga hampir hancur. Saya tidak dapat tidur lena selama beberapa hari," kenang beliau.

Hati Yahaya turut sayu melihat mayat seorang gadis berusia awal 20-an yang meninggal dunia akibat kemalangan.

"Dia sangat cantik dan merupakan seorang pelancong yang ingin menghabiskan masa melawat tempat menarik di negara ini tetapi peristiwa lain pula berlaku hingga meragut nyawanya," katanya yang telah menguruskan beribu-ribu mayat sejak lebih dua dekad.

Terdapat juga kes waris yang tidak dapat menerima kematian saudara-mara, ahli keluarga serta kenalan rapat mereka.

"Kebiasannya kami akan meminta mereka supaya bertenang dan bersabar tetapi ada juga segelintir yang tidak dapat mengawal emosi.

"Jadi kita biarkan

### EKSTRA Cerita seram rumah mayat

●TERDAPAT tiga kategori mayat yang diuruskan oleh rumah mayat Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) iaitu mayat BID (Bought In Death), mati semasa ketibaan (DOA) dan kematian biasa daripada wad.

●Bilangan mayat yang dikendalikan PPUM pada tahun 2008 ialah sebanyak 2,368.

●PPUM memiliki sebanyak 54 peti simpanan mayat dengan suhu 4 darjah Celsius.

●Kebiasannya mayat yang tidak dituntut akan disimpan selama 48 jam oleh pihak PPUM. Gambar mayat juga akan disiarkan dalam akhbar.



ABDUL LATIF memastikan peti simpanan jenazah kekal pada suhu 4 darjah Celsius.



## Bagaimanapun, menguruskan mayat tanpa kepala, leper seperti lempeng atau hancur seluruh badan dianggap biasa oleh kakitangan rumah mayat PPUM.

mereka sebentar sebelum melenangkan mereka," katanya.

Cerita Yahaya, 10 tahun lalu ada seorang bapa yang tidak dapat menerima kematian anaknya selepas motosikalnya dilanggar lari oleh sebuah kereta.

Si bapa akan memarahi malah mengugut untuk menetak dengan parang sesipah sahaja yang menyentuh mayat anaknya.

"Semua kakitangan PPUM risau tetapi saya beranikan mengajak pak cik itu minum kopi di kafeteria.

"Kemudian saya terangkan kepada beliau yang PPUM bertanggungjawab menguruskan mayat anaknya kerana ia merupakan peraturan biasa pihak hospital.

"Ini bagi memudahkan dia untuk menuntut ganti rugi dan mengenali pasti siapa yang melanggar anaknya itu," katanya.

### Van jenazah tiba-tiba berat

Bagaimanapun, Yahaya tidak pernah mengalami kejadian pelik sepanjang bertugas menguruskan mayat.

"Ada orang kata mayat boleh menjadi terlalu berat walaupun dia seorang yang kurus hingga perlu dipikul oleh ramai orang.

"Ada juga kononnya kulit bertukar hitam dan berulat. Tapi saya tak pernah mengalami keadaan seperti itu," kata Yahaya yang berasal dari Kelantan.

Yahaya juga pernah mendengar cerita jenazah seorang tahfiz al-Quran berbau harum manakala



YAHAYA sudah menguruskan ribuan mayat.

seorang lagi berlendir di kampungnya.

"Jenazah tahfiz yang berbau harum itu dikatakan seorang yang beramal serta mengajar ilmu dengan ikhlas kepada penduduk setempat.

"Malangnya seorang lagi tahfiz mayatnya berlendir kerana kononnya dia sering melakukan maksiat," kata Yahaya.

Dalam satu kejadian lain 10 tahun lalu, Yahaya membantu menghantar jenazah seorang rakan dari Kuala Lumpur ke Melaka. Namun, sepanjang perjalanan, van jenazah hanya boleh dipandu selaju 40 kilometer sejam.

"Saya bertanya pada pemandu mengapa bawa van perlahan? Pemandu itu jawab dia telah menekan pedal-minyak hingga ha-

bis tapi van terasa amat berat. "Selepas itu, kami berhenti di Kawasan Rawat Dan Rehat (R&R) di Seremban.

"Saya 'minta' si mati supaya melepaskan segala benda yang mungkin pernah tersimpan di badannya di samping saya membaca ayat-ayat al-Quran. Syukur perjalanan kemudian menjadi lancar," ujarnya.

Bagi Pembantu Tadbir Kanan PPUM, Abdul Latif Md. Isa, mengendalikan mayat yang tidak mempunyai kepala, tangan dan kaki sudah menjadi perkara biasa.

"Kadang-kadang saya kena uruskan kepala mayat sahaja kerana badannya tidak ditemui.

"Bayangkan pula mayat seseorang yang meninggal dunia kerana kemalangan dan runtuhannya sehingga terburai isi perut, pecah atau hancur seluruh badan," katanya.

Imam surau PPUM, Mohd. Norzaidi Abdul Ghani pula memberitahu pengalaman menguruskan pesakit yang mempunyai penyakit HIV serta AIDS amat menguji beliau.

"Kami terpaksa memakai pakaian plastik bagi melindungi diri daripada terkena jangkitan semasa membersihkan darah mereka.

"Bagi jenazah beragama Islam yang mempunyai tatu, tatu itu dibiarkan sahaja. Ini kerana untuk membuangnya perlu menggunakan asid bagi mengkakis kulit dan itu seperti menyeksa mayat," katanya.